

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH:29.03.2022 MASA:5.55PM

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

### SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG TAHUN 2022 DAN MAJLIS  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**30 MAC 2022 (RABU)  
9.00 PAGI**

**THE LIGHT HOTEL  
SEBERANG JAYA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2022 dan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 dapat kita sempurnakan pada hari ini. Setelah tiga tahun, dua (2) majlis diraikan secara berasingan, tahun ini kita gabungkan kembali kedua-dua majlis pada masa, tarikh dan tempat yang sama.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pengerusi-Pengerusi Persatuan yang bernaung di bawah MBSP, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada urus setia dan semua jabatan yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Kakitangan merupakan aset yang penting yang sentiasa diberi perhatian oleh pihak pengurusan. Tanpa penglibatan dan sokongan mereka, MBSP tidak dapat menempa nama dan terus gemilang menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang cemerlang. Amalan kerja yang berprestasi tinggi menghasilkan impak yang cukup baik di mana permasalahan rakyat dan perbandaran diberi perhatian serius dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan warga kerja MBSP tidak terbalas dan tetap terpahat di hati. Dalam konteks perkhidmatan awam, MBSP sentiasa menunjukkan keprihatinan dalam menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan MBSP.

MBSP sehingga kini mempunyai kakitangan seramai 3,953 orang di mana bilangan pegawai di peringkat Pengurusan dan Profesional adalah berjumlah 72 orang. Saya menyanjung tinggi kesungguhan semua warga kerja MBSP di pelbagai peringkat yang sentiasa komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat Seberang Perai.

Globalisasi dan tuntutan kerja yang memerlukan tindakan diambil dalam tempoh masa sebenar (*real time*) memerlukan warga kerja yang

bersifat dinamik, responsif dan cekal. Warga kerja MBSP perlulah berfikiran lebih terbuka, bersikap inovatif dan kreatif serta berkebolehan mencipta nilai melalui perubahan. Dalam kita mengejar kejayaan dan kecemerlangan, selaku penjawat awam haruslah kita berintegriti dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Namun, dalam mengejar kecemerlangan bagi memastikan tahap perkhidmatan yang diberikan memenuhi tuntutan rakyat, janganlah kita ambil ringan terhadap pengurusan emosi dan tekanan di tempat kerja. Saya amat mengharapkan agar amalan sikap seronok berkerja, bertanggungjawab dan integriti dibudayakan dengan mengamalkan sikap penuh amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas masing-masing.

MBSP selaku majikan, benar-benar memandang serius perihal kebajikan dan kesejahteraan kakitangan dari semua sudut termasuk dari segi gangguan emosi. MBSP telah menggerakkan pasukan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) supaya sentiasa bersedia untuk membantu pekerja-pekerja MBSP yang menunjukkan tanda-tanda kesihatan mental supaya dapat diberi bantuan sokongan emosi di peringkat awal. AKRAB berkonsepkan rakan membantu rakan dengan memupuk semangat berpasukan, keakraban dan membangunkan potensi yang ada

pada diri masing-masing. Ianya juga merupakan kelompok sokongan yang menekankan perhubungan bersifat humanistik. Saya mengharapkan Pasukan AKRAB sedia ada ini dapat menggerakkan jentera mereka untuk menyusun program-program yang bersesuaian untuk membantu kakitangan MBSP yang memerlukan.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pelbagai cabaran telah diharungi demi menyediakan perkhidmatan yang terbaik bagi penduduk Seberang Perai khususnya dan *stakeholder* secara amnya. Ekspektasi penduduk Seberang Perai semakin mencabar dan sentiasa memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, efisien dan proaktif. Dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk kesejahteraan rakyat di Seberang Perai, saya mengharapkan agar konsep ABC (*Amanah, Betul dan Cepat*) diamalkan dalam kerja-kerja harian.

Marilah kita bekerja dalam satu pasukan agar segala tanggungjawab yang direncanakan dapat dilunaskan dengan lebih pantas dan efisien. Kita semua bertanggungjawab dalam memastikan apa juga perancangan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Kita semua perlu lebih proaktif, inovatif dan inklusif dalam meningkatkan produktiviti dan

memberikan perkhidmatan yang cemerlang terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Dalam meneruskan visi dan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang lebih cemerlang, besarlah harapan saya agar mendapat sokongan yang menyeluruh daripada semua pihak demi kemakmuran Seberang Perai dan memenuhi hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencapai visi *Penang 2030: "A Family Focused Green Smart State That Inspire The Nation"*.

MBSP amat memberi perhatian serius terhadap masalah integriti dan etika di kalangan warga kerja MBSP tanpa mengira barisan pembuat dasar, pentadbiran dan pengurusan tertinggi mahupun peringkat pelaksana. Justeru MBSP amat komited dalam usaha meningkatkan integriti, membanteras rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan pecah amanah di kalangan kakitangan dan seterusnya mensasarkan untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti, telus dan sifar rasuah.

Kita sebagai warga kerja MBSP merangkap keluarga penjawat awam hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali dengan tidak

melanggari peraturan dan prosedur kerja di samping mengekalkan taat setia dalam menjalankan tugas kepada organisasi dan berkhidmat untuk “*Government of the Day*”. Sentiasalah memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada MBSP demi menjaga dan mempertahankan imej organisasi. Ingatlah Ikrar yang diangkat semasa kita menjawat jawatan sebagai warga kerja MBSP, di mana kita berjanji untuk memberi komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan tugas kita dengan lebih ikhlas, jujur dan dedikasi.

Sentiasalah cuba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan tepat serta memiliki ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti. Sekiranya terdapat perbezaan pandangan atau pendapat sesama kita, hendaklah diatasi secara berhemah. Janganlah kita menggunakan kata-kata kesat dan berburuk sangka sebelum mencapai keputusan muafakat. Segala masalah sebenarnya dapat diatasi dengan perbincangan dan rundingan dan saya berharap agar kita menyelesaikannya secara profesional.

## **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Jasamu Dikenang pada hari ini adalah sebagai penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga MBSP atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh komitmen di sepanjang tempoh perkhidmatan warga kerja di MBSP. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada MBSP tidak dapat dibalas.

Walaupun usia bersara ini dianggap sebagai penamat kerjaya tetapi persaraan bukan sebuah pengakhiran untuk terus memberikan khidmat bakti kerana persaraan itu hanyalah dalam konteks perkhidmatan sebagai seorang penjawat awam. Persaraan yang dihadapi ini hanya melepaskan seseorang penjawat awam dari peraturan dan ikatan sebagai kakitangan Kerajaan.

Hakikatnya, saya berkeyakinan peluang di luar perkhidmatan awam amat luas untuk diceburi. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus aktif dan menggapai lebih banyak kejayaan selepas persaraan. Dalam pada itu, Kerajaan tidak melupakan budi dan jasa tuan-tuan dan puan-puan dengan memberi faedah-faedah persaraan



iaitu Pencen Bulanan, Ganjaran Persaraan, Gantian Cuti Rehat dan Faedah Perubatan. Justeru, pergunakanlah faedah-faedah persaraan tersebut dengan sebaiknya.

Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2022 meraikan seramai 51 orang pesara yang terdiri daripada 34 orang pesara wajib, 10 orang pesara pilihan sendiri, serta takziah kepada tujuh (7) orang kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai yang telah meninggal dunia di dalam perkhidmatan. Pesara dan juga waris kepada pesara akan menerima sijil penghargaan dan cenderahati berupa jam tangan sebagai kenang-kenangan di atas perkhidmatan mereka selama bertugas di MBSP.

Sepanjang menjalankan tugas, saya pasti pengalaman setiap individu yang berada di sini pasti berbeza dan mempunyai pelbagai tips, pesanan dan cebisan pengalaman yang berguna untuk disampaikan. Sesungguhnya idea dan pandangan anda semua masih kami alu-alukan meskipun sudah di alam persaraan bagi meningkatkan perkhidmatan MBSP kepada rakyat. Saya menyeru agar pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang masih berkhidmat, terus berhubung untuk mendapatkan nasihat daripada *senior* yang telah banyak berjasa ini. Nasihat dan tunjuk ajar anda semua boleh dijadikan pedoman untuk warga kerja yang muda supaya mereka

sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang dalam memenuhi ekspektasi rakyat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya doakan semoga hari-hari persaraan tuan-tuan dan puan-puan dilimpahi segala rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. dan juga agar kalian terus diberi rahmat kesihatan dan fizikal yang cergas. Jika selama ini anda semua telah terbiasa dengan kesibukan di pejabat, saya berharap supaya gaya hidup yang aktif itu terus dikekalkan, di samping mengawal pemakanan dan menjaga kesihatan. Lakukan pelbagai aktiviti sihat dan pengisian yang bermanfaat untuk kehidupan yang lebih bermakna.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang merupakan acara tahunan oleh MBSP sebagai pengiktirafan dan penghargaan terhadap kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh warga kerja MBSP dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan penuh dedikasi dan komitmen yang tinggi. Saya berkeyakinan penuh bahawa

warga kerja MBSP yang berada di hadapan saya pada hari ini merupakan penjawat awam yang cemerlang, yang telah melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada MBSP khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya tidak dapat dibalas.

Justeru, tahun 2021, seramai 315 kakitangan daripada 3,953 kakitangan telah layak dipilih dan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Kalau dipecahkan mengikut kumpulan perkhidmatan pula, seramai tujuh (7) orang adalah merupakan kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 75 orang adalah kakitangan Kumpulan Pelaksana 1 dan 233 orang merupakan kakitangan Pelaksana 2.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021 akan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Hadiah Prestasi sebanyak RM1,000.00, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja, peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diadakan pada pagi ini adalah manifestasi penghargaan Pentadbiran MBSP terhadap kakitangan-kakitangan MBSP yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2021. Segala usaha, pengorbanan, keringat dan usaha yang telah ditunjukkan oleh kakitangan ini dapat menjadi contoh dan pemangkin semangat kepada kakitangan-kakitangan yang lain terutama kakitangan baru berkhidmat dengan MBSP. Penganjuran majlis seperti ini menjadi bukti bahawa pihak MBSP sentiasa mengambil berat soal kebajikan dan usaha-usaha kakitangan yang menjadi pendokong utama kecemerlangan MBSP.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua warga MBSP atas segala khidmat dan sumbangan yang telah diberikan dalam menyempurnakan semua tugas. Tidak dilupakan kepada ahli keluarga warga MBSP atas sokongan padu dan menjadi tunjang kekuatan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik selama bertugas bersama MBSP.

Saya ucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan buat semua warga kerja MBSP yang beragama Islam. Semoga Ramadhan kali ini membuka lembaran baru untuk kebahagiaan dan keberkatan dunia dan akhirat kita semua.

Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahir Rahmanir Rahim** saya merasmikan Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2022 Dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***